



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2004

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan

Pihak-Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

PERKHIDMATAN PENGENDALIAN LELONGAN AWAM ASET KERAJAAN

1. PERIHAL

- 1.1. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia telah mengikat kontrak dengan dua (2) syarikat iaitu Asia Pacific Auction Centre Sdn. Bhd. (APAC) dan Langkawi Auctioneers Sdn. Bhd. (LASB) bagi melaksanakan Perkhidmatan Pengendalian Lelongan Awam Aset Kerajaan yang telah diluluskan pelupusannya secara lelongan kepada semua Kementerian/Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan.
- 1.2. APAC akan mengendalikan Lelongan Awam bagi kenderaan bermotor, kenderaan dan jentera berat yang terletak di negeri-negeri Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah dan Sarawak dan barang am yang terletak di mana-mana negeri di Malaysia.
- 1.3. LASB akan mengendalikan Lelongan Awam bagi kenderaan bermotor, kenderaan dan jentera berat yang terletak di negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Selangor.

- 1.4. Kereta-kereta mewah yang dirampas/dilucutahak oleh Jabatan Kastam DiRaja tidak tertakluk kepada PKP ini dan peraturan semasa hendaklah digunakan.

2. NAMA KONTRAKTOR DAN BUTIR-BUTIR KONTRAK

Butir-butir lengkap berkaitan nama dan alamat kontraktor adalah seperti berikut :-

- 2.1. No. Kontrak : PERB/BKP/01/2004
- Nama Kontraktor : ASIA PACIFIC AUCTION CENTRE
dan Alamat : SDN BHD (APAC)
Ibu Pejabat MAB, Lapangan Terbang
Sultan Abdul Aziz Shah,
47200 Subang,
SELANGOR DARUL EHSAN.
- No. Telefon : 03-78458600/78476260
No. Fax : 03-78471086
- Laman Web : <http://www.apac.com.my>
- E-mail : mohammad@apac.com.my
- 2.2. No. Kontrak : PERB/BKP/02/2004
Nama Kontraktor : LANGKAWI AUCTIONEERS SDN.
Dan Alamat : (LASB)
Tingkat 5, Wisma Le Proton
134, Jalan Raja Abdullah
Kampong Baru
53000 KUALA LUMPUR.
- No. Telefon : 03-26916112/019-3171760
No. Fax : 03-26915644
- Laman Web : <http://www.langkawiauction.com.my>
- E-mail : rradzi@langkawiauction.com.my

3. TEMPOH KONTRAK

- 3.1. Tempoh Kontrak adalah selama tiga puluh enam (36) bulan iaitu bagi APAC bermula pada 1 April 2004 hingga 31 Mac 2007 manakala bagi LASB bermula pada 5 Mei 2004 hingga 4 Mei 2007.

4. TAKRIF DAN TAFSIRAN

4.1. “Barang-Barang” ertinya -

4.1.1 APAC

- (a) Kenderaan bermotor, kenderaan atau jentera berat yang terletak di negeri-negeri Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah dan Sarawak; dan
- (b) Barang am yang terletak di mana-mana negeri di Malaysia.

4.1.2 LASB

Kenderaan bermotor, kenderaan atau jentera berat yang terletak di negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor.

4.2. “Harga Simpanan” ertinya harga yang ditetapkan oleh Kerajaan ke atas Barang-Barang sebagai harga minima yang perlu diperolehi Kerajaan.

4.3. “Kerajaan” ertinya KERAJAAN MALAYSIA dan di mana bersesuaian Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya untuk mentadbirkan perlaksanaan Perjanjian ini dan termasuk mana-mana Kementerian, jabatan, bahagian dan unit Kerajaan bagi tujuan penetapan dan perlaksanaan pelupusan Barang-Barang yang berkenaan;

4.4. “Lelongan Awam” ertinya pelupusan Barang-Barang Kerajaan secara lelongan kepada orang awam di Premis Lelongan Awam.

4.5. “Pembida” ertinya orang yang membuat tawaran semasa proses jualan Lelongan Awam dan disahkan oleh jurulelong sebagai pembida yang berjaya.

4.6. “Premis APAC” ertinya premis APAC di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, 47200 Subang, Selangor Darul Ehsan atau mana-mana premis yang mana APAC mempunyai hak ke atasnya.

4.7. Premis “LASB” ertinya premis LASB di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri Langkawi Kedah atau mana-mana premis yang LASB mempunyai hak ke atasnya.

4.8. “Premis Kerajaan” ertinya:-

4.8.1 APAC

- (a) mana-mana premis Kerajaan di negeri-negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah dan Sarawak bagi kenderaan bermotor, kenderaan atau jentera berat; dan
- (b) mana-mana premis Kerajaan di Malaysia bagi barang am termasuk premis yang digunakan atau disewa oleh atau yang berada di bawah pengawasan Kerajaan untuk penyimpanan Barang-Barang atau mana-mana premis yang disarankan oleh Kerajaan untuk Lelongan Awam mengikut jenis Barang-Barang.

4.8.2 LASB

mana-mana premis Kerajaan di negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor bagi kenderaan bermotor, kenderaan atau jentera berat.

4.9. “Premis Lelongan Awam”

4.9.1 ertinya Premis APAC atau Premis Kerajaan atau mana-mana premis yang sesuai yang ditetapkan oleh APAC dengan persetujuan Kerajaan bagi mengadakan Lelongan Awam.

4.9.2 ertinya Premis LASB atau Premis Kerajaan atau mana-mana premis yang sesuai yang ditetapkan oleh LASB dengan persetujuan Kerajaan bagi mengadakan Lelongan Awam.

5. HARGA SIMPANAN

- 5.1. Agensi Kerajaan hendaklah menetapkan harga simpanan sebelum menyerahkan barang-barang kepada kontraktor. Bagi Agensi Kerajaan yang tidak mempunyai kepakaran untuk membuat penilaian dan penetapan harga simpanan rujukan hendaklah dibuat kepada Jabatan Kerja Raya atau pihak-pihak lain yang mempunyai kepakaran.
- 5.2. Sekiranya semasa lelongan dijalankan, harga tawaran tidak mencapai harga simpanan yang ditetapkan, kontraktor dibenarkan membuat penurunan pada kadar maksima sepuluh peratus (10%) daripada harga simpanan bagi meneruskan lelongan Barang-Barang berkenaan. Sekiranya barang-barang masih belum terjual pada Lelongan Awam tersebut walaupun dengan penurunan 10% daripada harga simpanan, kontraktor hendaklah dalam masa tujuh (7) hari daripada tarikh Lelongan Awam merujuk kepada Agensi Kerajaan untuk mendapat arahan seterusnya.
- 5.3. Agensi Kerajaan hendaklah memaklumkan kepada kontraktor keputusannya dan/atau cara pelupusan alternatif yang sesuai bagi barang-barang tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dimaklumkan oleh kontraktor.
- 5.4. Dalam membuat keputusan seterusnya, Agensi Kerajaan boleh:-
 - (a) memutuskan supaya Lelongan Awam diteruskan terhadap barang-barang berkenaan dengan harga simpanan baru; atau
 - (b) mengkategorikan semula barang-barang berkenaan (misalnya dengan kategori harga borong atau kategori harga sisa besi) dengan suatu harga simpanan yang ditetapkan.
- 5.5. Bagi menjelaskan para 6.4.(b):-
 - (i) “kategori harga borong” bererti Barang-Barang yang tidak cukup sifat tetapi masih boleh digunakan bagi tujuan ianya dicipta sekiranya kekurangan tersebut diatasi oleh Pembida; dan

- (ii) “kategori harga sisa besi” bererti Barang-Barang yang tidak boleh digunakan bagi tujuan asal ianya dicipta dan harganya adalah lebih rendah daripada Barang-Barang kategori harga borong.
- 5.6. Sekiranya Agensi Kerajaan menetapkan keputusan seperti diperenggan 6.4. di atas, kontraktor hendaklah meneruskan Lelongan Awam barang-barang dengan harga simpanan baru.

6. PENYERAHAN DAN PENGANGKUTAN BARANG-BARANG

- 6.1 Setelah kelulusan pelupusan secara lelongan diperolehi , Agensi Kerajaan hendaklah menyediakan satu senarai lengkap barang-barang dengan menggunakan borang **Senarai Barang-Barang Untuk Lelongan** seperti di **Jadual 1**. Borang tersebut bersama-sama dengan dokumen hakmilik barang-barang (sekiranya ada), dikemukakan kepada kontraktor.
- 6.2. Dalam tempoh tujuh (7) hari selepas menerima notis daripada Agensi Kerajaan, kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan tarikh dan tempat Premis Lelongan Awam.
- 6.3. Lelongan Awam hendaklah dijalankan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh selepas menerima notis daripada Agensi Kerajaan dan tempoh itu boleh dilanjutkan sekiranya dipersetujui oleh Agensi Kerajaan. Tempoh lanjutan yang dipersetujui hendaklah tidak melebihi enam puluh (60) hari dari tarikh selepas menerima notis asal daripada Agensi Kerajaan.
- 6.4. Tempoh pengambilan barang-barang daripada Premis Kerajaan adalah minima dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh Lelongan Awam. Proses dan prosedur penyerahan barang-barang dan Lelongan Awam adalah seperti yang dinyatakan di **Jadual 2**.
- 6.5. Agensi Kerajaan berhak pada bila-bila masa selepas penyerahan membuat pemeriksaan barang-barang di Premis Lelongan Awam.
- 6.6. Semua kos pengangkutan dan insuran bagi penyerahan dan penyimpanan barang-barang kepada dan semasa di Premis Lelongan Awam (tidak termasuk barang-barang yang disimpan di Premis Kerajaan) ditanggung oleh kontraktor.
- 6.7. Pesanan terakhir oleh Agensi Kerajaan hendaklah dibuat tidak lewat dari tiga (3) minggu sebelum tarikh tamat kontrak.

7. PEMBUNGKUSAN

- 7.1. Kontraktor hendaklah membungkus atau mengendalikan dengan rapi dan sempurna barang-barang mengikut keperluan, bagi tujuan pengangkutan kemana-mana Premis Lelongan Awam.

8. KESELAMATAN

- 8.1. Kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan keselamatan dua puluh empat (24) jam bagi Barang-Barang yang disimpan di Premis Lelongan Awam (tidak termasuk Premis Kerajaan).

9. INSURANS

- 9.1. Kontraktor hendaklah mengambil insurans yang perlu bagi melindungi Barang-Barang dalam peralihan (“transit”) dan semasa ianya berada di dalam Premis Lelongan Awam (kecuali Premis Kerajaan).

10. LELONGAN AWAM

- 10.1. Lelongan Awam hendaklah diadakan di Premis Lelongan Awam milik kontraktor. Sekiranya kontraktor bercadang mengadakan di Premis Kerajaan, kontraktor hendaklah berunding dengan Agensi Kerajaan bagi pengurusan Lelongan Awam itu sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Lelongan Awam.

- 10.2 Kontraktor akan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan sampingan Lelongan Awam seperti berikut:

- (a) pembersihan barang-barang bila diperlukan;
- (b) pengiklanan, serta promosi berhubung dengan jualan melalui Lelongan Awam yang termasuk antara lainnya, di dalam bentuk sekurang-kurangnya sekali siaran melalui akhbar bahasa Melayu dan Inggeris;
- (c) kemudahan untuk menjalankan Lelongan Awam;

- (d) penyediaan barang-barang untuk Lelongan Awam yang merangkumi pengasingan dan penyenaraian Barang-Barang dan penyediaan katalog;
 - (e) kutipan bayaran deposit dan bayaran penuh daripada Pembida serta pembayaran hasil Lelongan Awam kepada Kerajaan;
 - (f) mengendali dan menyelaraskan penyerahan atau pengambilan barang-barang yang telah dijual serta penyerahan dokumen hakmilik kepada Pembida; dan
 - (g) lain-lain perkhidmatan sampingan yang berkaitan.
- 10.3. Semua kos berhubung dengan perkhidmatan di atas akan ditanggung oleh kontraktor.

11. KEPUTUSAN LELONGAN

- 11.1. Agensi Kerajaan akan dimaklumkan berkenaan dengan keputusan Lelongan Awam bagi barang-barang yang dijual atau tidak dijual dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh Lelongan Awam.

12. HASIL LELONGAN

- 12.1. Hasil daripada jualan barang-barang akan diserahkan kepada Agensi Kerajaan oleh kontraktor dalam tempoh empat belas (14) hari selepas selesai Lelongan Awam tertakluk kepada semua bayaran telah diterima dahulu oleh kontraktor daripada Pembida.
- 12.2. Walau bagaimanapun, sekiranya Pembida gagal membuat bayaran dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Lelongan Awam atas sebab-sebab yang pada pendapat kontraktor adalah munasabah, Pembida tersebut akan diberikan pelanjutan masa sebanyak empat belas (14) hari atau tempoh yang kontraktor fikirkan sesuai untuk membuat pembayaran penuh kepada kontraktor.
- 12.3. Dalam keadaan di mana Pembida gagal membuat pembayaran bagi barang-barang dibeli, kontraktor berhak untuk melucutahkan apa-apa deposit yang telah dibayar bagi barang-barang tersebut.

Kontraktor hendaklah menyerahkan wang deposit yang dilucutkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh deposit dilucutkan kepada Agensi Kerajaan.

- 12.4. Agensi Kerajaan hendaklah membuat pembayaran pada kadar dua puluh peratus (20%) daripada jumlah deposit sebagai kos sampingan dan perbelanjaan kepada kontraktor dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pembayaran deposit tersebut dibuat kepada Agensi Kerajaan.
- 12.5. Semua pungutan hasil lelong dan Deposit yang dilucut hak hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun Deposit 79509 – Deposit Lelong Harta Kerajaan mengikut PTJ masing-masing. Tatacara terimaan hasil adalah sebagaimana mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara di **Jadual 3**.

13. BAYARAN KOMISYEN LELONGAN

- 13.1. Agensi Kerajaan dikehendaki membayar komisyen kepada kontraktor seperti kadar yang dinyatakan di bawah:-

(a) APAC

Barang-Barang	Komisyen % daripada hasil jualan	
	Premis APAC	Premis Kerajaan
Kenderaan Bermotor	10	9
Kenderaan Jentera Berat	10	9
Barangan Am	12	12

(c) LASB

Barang- Barang	Komisyen % daripada hasil jualan		
	Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi	Lain-Lain Premis LASB	Premis Kerajaan
Kenderaan Bermotor	12	10	9
Kenderaan/ Jentera Berat	12	10	9

- 13.2. Bayaran komisyen hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pembayaran hasil jualan bersama Laporan Jualan Lelong (Auction Sales Report) seperti di **Jadual 4** diterima dari kontraktor.
- 13.3. Semua bayaran akan didebitkan ke kod 79509 – Deposit Lelong Harta Kerajaan mengikut PTJ masing-masing. Bersekali dengan baucar bayaran satu jurnal untuk mengkreditkan semua lebihan ke kod hasil 73301-Jualan Harta Benda Kerajaan. Tatacara bayaran adalah sebagaimana mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia iaitu seperti di **Jadual 5**.
- 13.4. Komisyen akan dibayar bagi semua kategori barang-barang yang berjaya dilelong dan 20% dari wang deposit yang dilucut hak.

14. PENALTI

- 14.1. Agensi Kerajaan hendaklah mengambil tindakan mengenakan penalti sekiranya:-
 - (a) Lelongan Awam dilaksanakan melebihi tempoh yang ditetapkan di para 8.2. Kadar penalti yang dikenakan

adalah lima puluh peratus (50%) daripada kadar komisyen; atau

- (b) Lelongan Awam tidak dijalankan langsung (termasuk dalam keadaan di mana barang-barang tidak dipungut). Kadar penalti yang dikenakan adalah 10% daripada Harga Simpanan. Sekiranya barang-barang berada dalam milikan kontraktor, kontraktor hendaklah mengembalikan Barang-Barang yang berada dalam milik kontraktor tanpa sebarang kos kepada Kerajaan dalam masa 7 hari selepas menerima notis pengembalian Barang-Barang dari Kerajaan.
- (c) Kontraktor gagal membayar kepada Agensi Kerajaan dalam tempoh yang ditetapkan di para 13.1 dan 13.3. Kadar penalti yang dikenakan adalah 1% sebulan daripada amanun yang berhak diterima oleh Kerajaan semasa bayaran diterima oleh Kerajaan bagi setiap bulan sehingga bayaran diterima oleh Kerajaan.

15. PEMBATALAN LELONGAN

- 15.1. Agensi Kerajaan berhak pada bila-bila masa memutuskan supaya Lelongan Awam terhadap mana-mana barang-barang dibatalkan. Dalam keadaan ini kontraktor hendaklah menyerah balik barang-barang kepada Agensi Kerajaan.
- 15.2. Kos sebenar pemindahan barang-barang ke premis kontraktor dan penyerahan balik barang-barang tersebut boleh dituntut oleh kontraktor dan hendaklah dibayar oleh Agensi Kerajaan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh tuntutan.

16. PENGEMBALIAN BARANG-BARANG

- 16.1. Dalam keadaan di mana Agensi Kerajaan tidak bercadang meneruskan Lelongan Awam dan memutuskan untuk mengambil balik barang-barang, Agensi Kerajaan akan bertanggungjawab terhadap kos pengangkutan balik barang-barang dari Premis kontraktor ke Premis Kerajaan atau mana-mana premis yang diputuskan oleh Kerajaan.
- 16.2. Barang-barang boleh disimpan di Premis kontraktor tanpa sebarang caj penyimpanan tidak melebihi tempoh satu (1) bulan dari tarikh

pemakluman oleh Agensi Kerajaan. Selepas tempoh satu (1) bulan tersebut, kontraktor akan mengenakan caj penyimpanan kepada Kerajaan pada kadar seperti berikut:-

Barang-barang	Caj Penyimpanan Sehari
Kenderaan bermotor	RM3.00 untuk satu (1) kenderaan
Kenderaan/Jentera Berat	RM10.00 untuk satu (1) kenderaan/jentera berat
Barangan am	RM0.10 kaki

- 16.3. Agensi Kerajaan adalah tidak digalakkan untuk menyimpan barang-barang di Premis kontraktor melebihi tempoh satu (1) bulan sekiranya keputusan dibuat untuk mengambil balik barang-barang.

17. TEMPOH AKHIR PENGADUAN

- 17.1. Agensi Kerajaan hendaklah mengemukakan apa-apa aduan mengenai kegagalan kontraktor memenuhi obligasi kontrak dengan serta merta atau tidak lewat daripada satu (1) bulan dari tarikh masalah berbangkit. Perbadanan Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa masalah yang berbangkit akibat kegagalan Agensi Kerajaan mematuhi arahan ini.

18. PENGGUNAAN KONTRAK

- 18.1. Semua Agensi Kerajaan hendaklah menggunakan kontrak ini sepenuhnya dan tidak dibenarkan mendapatkan perkhidmatan lelongan daripada syarikat-syarikat lain tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Kementerian Kewangan.

19. HAL-HAL LAIN

19.1. Jika ada sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini, Agensi Kerajaan adalah dinasihatkan menghubungi pegawai-pegawai berikut:-

Puan Hamidah bt. Hamid - 03-88823686

Puan Patimah bt. Mohd. Yusoff - 03-88823705

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATUK HJH. SAFIAH BT. BASRAH)
Bahagian Kawalan dan Pemantauan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia.

07 Jun 2004

s.k:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Semua YB. Pegawai Kewangan Negeri